

DRB-Hicom, Geely perkukuh kerjasama automotif

DRB-Hicom Bhd dan Zhejiang Geely Holding Group Co Ltd (Geely) memeterai perjanjian induk (HoA) bagi mengukuhkan lagi fasa selanjutnya kerjasama antara kedua-dua syarikat.

Dalam satu kenyataan, DRB-Hicom berkata HoA itu menyasar untuk melihat pembangunan Automotive Hi-Tech Valley (AHTV) sebagai hab kenderaan generasi akan datang di Tanjung Malim yang meliputi rantai nilai penyelesaian automotif dan mobiliti meluas.

"Fokus HoA itu adalah terhadap pembangunan sebuah bandar automotif bersepadu yang akan melahirkan hab industri kenderaan tenaga baharu," katanya, sambil menambah bahawa AHTV akan meliputi kawasan kira-kira 404.69 dan akan dipertingkatkan sewajarnya bagi menampung keperluan masa hadapan.

Perjanjian dimeterai oleh Pengerah Urusan Kumpulan DRB-HICOM, Datuk Seri Syed Faisal



Anwar menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian pada Forum Perniagaan Malaysia China di Beijing, kelmarin.

(Foto BERNAMA)

Albar dan Ketua Pegawai Eksekutif Geely, Daniel Li Donghui pada Forum Perniagaan Malaysia-China yang diadakan di Beijing, kelmarin.

Majlis memeterai perjanjian

itu disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang dalam kunjungan rasmi empat hari dari 29 Mac hingga 1 April 2023.

DRB-Hicom berkata, dalam

tempoh 10 tahun akan datang, pembangunan AHTV dijangka menarik pelaburan bernilai RM32 bilion, termasuk oleh syarikat kereta nasional, Proton Holdings Bhd (PROTON).

Anwar berkata kerajaan mahu projek AHTV dipercepat memandangkan projek itu membabitkan pelaburan besar dan memberi peluang pekerjaan kepada puluhan ribu anak muda tempatan.

Perdana Menteri berkata, dalam pertemuannya dengan rakan sejawatan, Li Qiang di Dewan Besar Rakyat di sini, petang tadi, projek ini antara yang diberi penekanan pemimpin China itu.

"Ia disebut sendiri oleh Perdana Menteri Qiang, dia beri penekanan yang sama. Projek itu besar yang dianggap menjadi satu Rawasan automotif yang terbesar di Pekan dan Tanjung Malim (di Perak).

"Kita akan minta kerajaan negeri berkaitan dan majlis perbandaran untuk mempercepat proses ini, memandangkan ini pelaburan yang besar dan memberi peluang pekerjaan kepada puluhan ribu anak muda Malaysia," katanya pada sidang media selepas mengakhiri lawatan kerja rasmi empat hari ke China.